



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

## NRECC KOMITED LAKSANA PELAN TRANSFORMASI SEKTOR AIR (WST) 2040 SECARA BERFASA

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) komited untuk melaksanakan pelan Transformasi Sektor Air (WST) 2040 secara berfasa dan memastikan sumber air negara berdaya maju dalam menjadikan Malaysia sebagai hab air menjelang tahun 2040.

WST2040 bukan sahaja mampu membangunkan sektor air negara bagi menjamin sekuriti dan kelestarian air, malah berpotensi menjadikan sektor air sebagai pemangkin ekonomi negara.

WST 2040 juga akan menambah baik kemampunan kewangan industri air negara, menambah baik akses kepada bekalan air dan kecekapan operasi industri air serta meningkatkan daya tahan sektor air terhadap perubahan iklim.

Pelaksanaan WST akan dipantau melalui penubuhan Jawatankuasa Khas dan disokong dengan tadbir urus yang baik dan rangka kerja perundangan yang bersesuaian.

Perkara ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya sewaktu melancarkan Hari Air Sedunia (HAS) 2023 di Stadium Indera Mulia, Perak hari ini.

Turut hadir Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Negeri Perak, YB Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar Jamaluddin, Ketua Setiausaha NRECC, Dato' Haji Rosli Isa dan Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Dato' Ir. Dr Md. Nasir Md. Noh.

Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pasukan Petugas Khas WST2040 akan ditubuhkan di bawah Sektor Air dan Pembetungan NRECC untuk menyelaras tindakan dan strategi WST dengan pelaksanaan dan pencapaian WST 2040 dilaporkan kepada Majlis Air Negara yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri.

WST ini akan dilaksanakan di pelbagai peringkat, bermula daripada kesedaran awam rakyat, memperkasa tadbir urus, pembangunan infrastruktur dan teknologi, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan (RDIC) serta pengurusan maklumat, dan memperkuuhkan mekanisme pembiayaan kewangan alternatif.

Menurut YAB Perdana Menteri, pelaksanaan WST juga bertepatan dengan Tema Hari Air Sedunia iaitu “*Accelerating Change*” atau ‘memacu perubahan’ pada tahun ini, yang memberi fokus kepada pengurusan sumber air yang cekap dan berkesan untuk pengekalan dan kelestarian sumber air di negara.

Ini termasuk perubahan yang perlu dilaksanakan segera, baik daripada segi pengurusan sumber air mahupun penggunaan air ke arah menyelesaikan masalah krisis air dan sanitasi.

Ujarnya, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat semua pihak, khususnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi bekerjasama merealisasikan pelaksanaan pengurusan sumber air negara secara bersepada.

Usaha itu boleh dijalankan dengan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pihak-pihak berkuasa dapat melaksanakan tanggungjawab yang memerlukan pembangunan keupayaan, kepakaran dan kemahiran, termasuk sokongan kewangan, teknologi dan teknikal.

Kefahaman dan penglibatan semua pihak dalam urus tadbir sumber air adalah penting untuk meningkatkan tahap kesedaran awam tentang sumbangan mereka bagi memastikan kelestarian sumber air.

Beliau juga mengingatkan agar semua pihak bertanggungjawab dalam memastikan kesaksamaan keselamatan air termasuk pengurusan sumber-sumber air haruslah ditangani secara profesional dan kemaskini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang seimbang daripada segi pembangunan fizikal dan mental selaras dengan konsep Malaysia MADANI.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(NRECC)  
11 MAC 2023**

